



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 18 MEI 2022**

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| NO. SEBUT HARGA | TAJUK | KELAS PENDAFTARAN | HARGA DOKUMEN (RM) | TARIKH/ MASA & TEMPAT LAWATAN TAPAK |
|----------------------------------|---|--|--------------------------------------|--|
| SH/ SUKNS/ BIL.10/ 2022 | Kerja-Kerja Menaik Taraf Karpets Dewan Sidang Utama, Perabot Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Dewan Undangan Negeri Sembilan Darul Khusus <i>PERINGATAN: Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</i> | Kelas : G2 Kategori : B Pengkhususan: B04 | RM 50.00 setiap satu borang | 20 Mei 2022 (Jumaat) 3.00 petang Dewan Undangan Negeri, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan |

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **23 Mei 2022 hingga 27 Mei 2022 pada waktu pejabat (9.00am – 4.00pm)** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebut harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 30 Mei 2022 (Isnin)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.